

29 TAHUN

Kekal No. 1 Di Pasaran!

15 JULAI 2012
BIL: 622 RM5.00

remaja

inspirasi remaja kini

Audit Bureau
of Circulations

**Tip 7 Hari
Sebelum
Dating**

**Rapikan
Kukumu**

**ARGHH
BOSANNYA...
Rimaslah
Kamu Ni!**

**KAMU MANJA @
MENGADA-NGADA?**

Kuiz m/s 68

**Cegah
Jerawat
Daripada
Menyerang!**

**BONUS
EKSTRA
SCOOP**

Jom Shopping
ONLINE

JOM SHOPPING ONLINE

**Ilham Fesyen,
Tip & Gayaan
Tudung
Si Hijabista**

**"BEBAS ITU ADA
BATASNYA"**

- *Najwa Latif*

Indahnya Cinta Ramadan HIDAYAH BUAT SAUDARA BARU

**MESTI
REBUT!**

200 HADIAH
Mattel Games

100 HAMPER
Produk Yeo's

155 PELBAGAI
Pilihan Hadiah

Scan saya ok!



PP4028/01/2013(031218)

ISSN 1675-0454



remaja.karangkraf.com

PRESENCE Paris

Lancar Koleksi Summer 2012

Bertempat di Bangsar Village II, Kuala Lumpur, jenama unggul buat wanita, PRESENCE Paris yang terkenal dengan tawaran kepelbagaian barangan kemas telah melancarkan koleksi Summer 2012. Acara pelancaran itu memperkenalkan seleksi barangan kemas baru Nina Ricci untuk butik PRESENCE Paris juga tayangan persembahan koleksi barangan kemas oleh Lacoste, Paul & Joe dan GL.

Lebih istimewa buat pertama kalinya PRESENCE Paris melancarkan koleksi barangan kemas lelaki di bawah jenama Kenzo.

Dengan keunikan konsep kepelbagaian jenama, PRESENCE Paris menyediakan ruang buat pereka-pereka berkualiti barangan kemas dan jam tangan.

Seleksi barangan direka tanpa mengira batas tradisi, ikonik dan juga fesyen terkini. Tawaran terkini dari PRESENCE Paris ini bakal menyerikan lagi penampilan para wanita dengan gabungan unsur elegan, feminin dan *trendy* pada barangan kemas dan juga jam tangan.




SENTUHAN
feminin Nina Ricci.



KENZO MEN,
buat pertama kali
PRESENCE Paris
menampilkan
koleksi buat lelaki.

BARISAN model mengenakan pakaian koleksi terkini BIEM berinspirasi "Kehidupan Kota"



INSPIRASI "KEHIDUPAN KOTA" BIEM

REKAAN terkini
menampilkan
sisi keunggulan
eksekutif muda.

Jenama fesyen BIEM mencorakkan inspirasi baru daripada kepantasan, dunia berstruktur budaya *urban* dengan menggabungkan elemen kelembutan dan sisi romantik kehidupan kota di dalam koleksi terkini Spring/Summer. Koleksi yang mengangkat keriaan tema "Kehidupan Kota" ini menyelitkan unsur fizikal bandar juga kedamaian pada hati dan jiwa.

Antara koleksi yang ditawarkan untuk tema ini adalah jaket, seluar dan gaun dengan struktur rekaan bersih serta berpotongan sudut yang didatangkan dalam pilihan warna asas hitam, putih dan biru. Koleksi terbaru ini juga boleh didapati di keempat-empat jenama Biem iaitu BIEM Lelaki, BIEM Homme, BIEM Perempuan dan BIEM Weekender.